

NO SOALAN :86**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN
(ROMPIN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 08.08.2017

Y.B. DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ROMPIN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menentukan dasar bahawa kadar pinjaman institusi perbankan dalam negara haruslah lebih rendah bagi memenuhi kemudahan dan kecairan pinjaman.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan berhubung Kadar Dasar Semalam (*Overnight Policy Rate*, OPR) dibuat dengan mengambil kira prospek jangka sederhana faktor inflasi dan pertumbuhan ekonomi. Mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari

(Monetary Policy Committee, MPC) Bank Negara Malaysia (BNM) pada 13 Julai 2017 membuat keputusan bahawa tahap OPR adalah wajar dan selaras dengan kedudukan ekonomi semasa. Pada paras 3.00 peratus, keadaan monetari dan kos peminjaman terus menyokong aktiviti ekonomi. Pembiayaan kepada ekonomi terus berkembang dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 7.0 peratus pada bulan Jun 2017 berbanding dengan 5.5 peratus pada tahun 2016, selaras dengan kadar perkembangan aktiviti ekonomi.

Keputusan untuk melaraskan kadar OPR pada masa hadapan bergantung kepada penilaian MPC terhadap keperluan untuk memastikan pertumbuhan ekonomi terus mapan di samping perkembangan harga yang stabil.